



KHAIRY JAMALUDDIN beramah mesra dengan para pelajar ketika hadir merasmikan FitMalaysia Uni@Universiti Sains Islam Malaysia di Nilai, Negeri Sembilan, semalam.

Hari Sukan Negara tidak dibatalkan

SEREMBAN 4 Okt. - Kerajaan tidak bercadang membatalkan semua acara sempena sambutan Hari Sukan Negara pada 10 Oktober ini akibat jerebu yang melanda negara pada masa ini.

Sebaliknya, Menteri Belia dan Sukan, Khairy Jamaluddin berkata, pihaknya menyerahkan kuasa kepada setiap penganjur acara di tempat berkenaan sama ada mahu meneruskan program yang telah dirancang atau membuat keputusan sebaliknya.

Katanya, Institut Sukan Negara (ISN) dijangka mengeluarkan garis panduan khusus berkaitan jerebu pada Selasa ini yang boleh dijadikan panduan oleh para penganjur untuk membuat keputusan tersebut.

"Kita tidak buat keputusan untuk sambutan Hari Sukan Negara di seluruh negara dibatalkan kerana mungkin ada tempat yang tidak ada masalah untuk acara itu diteruskan.

"Ada lebih 12,000 acara yang melibatkan tiga juta rakyat Malaysia untuk

hari itu dan ia tidak termasuk lima juta pelajar sekolah yang mahu mengadakan aktiviti pada hari berkenaan.

"Sebenarnya ramai yang hendak terlibat dalam Hari Sukan Negara ini tetapi bagi saya masih mengutamakan kesihatan walaupun kita hendak meraikan hari sukan yang pertama kali diadakan. Keutamaan kesihatan rakyat lebih penting," katanya dalam sidang akhbar selepas merasmikan FitMalaysia Uni@Universiti Sains Islam Malaysia (USIM) di Nilai dekat sini hari ini.

Yang turut hadir, Naib Canselor USIM, Prof Datuk Dr. Musa Ahmad dan para pegawai kanan USIM.

Khairy berkata, tidak ada kepastian mengenai bacaan indeks pencemaran udara (IPU) kerana ia berbeza mengikut kawasan dan berubah daripada semasa ke semasa.

"Kena tengok bacaan IPU di tempat program dan kita serah kepada penganjur program di tempat masing-masing kerana pada 10 Oktober

ini di Lembah Klang saya tak tahu apa yang akan berlaku.

"Hari ini, buat pertama kali aktiviti senaman Fit tidak dapat diadakan kerana IPU di Nilai yang mencecah 200 walaupun saya dapat berjumpa dengan lebih 1,000 mahasiswa USIM yang datang menjayakan program ini," ujarnya.

Sebagai Menteri Belia dan Sukan, tambahnya, beliau amat kecewa kerana banyak acara sukan terpaksa ditunda atau dibatalkan akibat jerebu antaranya perlawanan bola sepak Piala Malaysia semalam, Larian Standard Chartered KL Marathon 2015 pada hari ini dan Mizuno Wave Run minggu lalu.

"Saya sebagai Menteri Belia dan Sukan sangat mendesak kerajaan jiran yang bertanggungjawab terhadap jerebu mengambil langkah yang serius kerana ia memberi kesan yang besar terhadap pihak lain dan daripada sudut sukan ia sangat memberi kesan kepada kita," ujarnya.